



Ruj. Kami: KPM.800-4/4/28 (49)
Tarikh: 1 Julai 2019

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abd. Razak
30640 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Puan. Ruziah Binti Ab Majid)

Tuan/puan,

**PEMBAYARAN BANTUAN AM PERSEKOLAHAN (BAP) KUMPULAN WANG AMANAH
PELAJAR MISKIN (KWAPM) KEPADA MURID TAHUN 1 HINGGA TAHUN 6 BAGI TAHUN
2019 - NEGERI PERAK**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan bayaran Bantuan Am Persekolahan (BAP), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) untuk murid **Tahun 1 hingga Tahun 6** bagi **Negeri Perak** mulai **21 Jun 2019**. Senarai nama murid yang layak hendaklah dicetak daripada sistem Aplikasi Pengurusan Bantuan (APB) melalui laman sesawang berikut:

PENGGUNA	LAMAN SESAWANG
Pengetua/Guru Besar, Guru KWAPM.	http://sps1.moe.gov.my/utama.php (Modul Pengurusan Murid)
JPN/PPD	http://apb1.moe.gov.my
Jumlah Peruntukan	RM5,134,500.00

KADAR DAN KAEDAH BAYARAN

2. Kadar kelayakan untuk pembayaran KWAPM bagi tahun 2019 kepada murid yang layak adalah **RM100.00 setahun** bagi Data Sedia Ada (DSA), Data eKasih dan Data Murid Orang Asli (DMOA) berdasarkan **Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bilangan 1 Tahun 2018 – Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) bertarikh 19 Januari 2018.**

3. Seperti yang pihak tuan/puan sedia maklum, pembayaran dilaksanakan melalui **Pemindahan Dana Elektronik (EFT) ke akaun Kumpulan Wang Kerajaan (KWK) sekolah** dan akan mengambil masa sekurang-kurangnya **7 hari** bekerja untuk dikreditkan ke dalam akaun daripada tarikh EFT.

4. Pihak tuan/puan hendaklah memastikan bahawa bantuan ini **diagihkan** kepada murid yang layak dengan **SEGERA** berdasarkan peraturan yang terkandung dalam **Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bilangan 1 Tahun 2018 – Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)** yang berkuatkuasa.

LEBIHAN BAYARAN / PERUNTUKAN

5. Sekiranya berlaku lebihan bayaran atau murid yang tersenarai tidak bersekolah di sekolah berkenaan, lebihan tersebut hendaklah dikembalikan ke Bahagian Kewangan melalui cek atas nama (**KETUA AKAUNTAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**) sebelum **31 Oktober 2019**.

6. Pihak tuan/puan dimohon untuk **memastikan** bahawa **cek pemulangan bantuan KWAPM** tersebut hendaklah **diasingkan** dengan **bantuan persekolahan yang lain**. Selain itu, pihak kami juga memohon kerjasama pihak tuan/puan untuk **memastikan amaun pemulangan adalah mengikut kadar bantuan yang sebenar dan menyertakan sebab-sebab pemulangan tersebut dibuat**.

7. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat murid yang layak menerima bantuan ini telah berpindah sekolah, dan pihak sekolah dapat mengenalpasti sekolah baru **bagi murid tersebut, Kementerian menyarankan agar bantuan/wang tersebut disalurkan terus ke sekolah baru murid berkenaan dengan mengemukakan salinan surat tersebut kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan KPM sebagai makluman dan tujuan rekod**.

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, tuan/puan boleh menghubungi kakitangan di talian berikut:

Nama	No Telefon	Unit
Encik. Muhamad Hadi bin Md Zin hadi.mdzin@moe.gov.my kwapm@moe.gov.my	03-8884 7088	KWAPM / Proses
Encik Aziz Bin Yusoff	03-8884 7604	Pembayaran / Pemulangan / Semakkan Status Bayaran
Encik. Omar Bin Musa	03-8884 7766	Pembayaran / Pemulangan
Puan. Ruziah Binti Ab Majid	05-5015142	Senarai Nama Murid Yang Layak / JPN Perak

9. Kerjasama pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUZAMAN BIN MAHMOOD)

Bahagian Kewangan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

No.Tel : 03-8884 7698

No.Faks : 03-8884 7611